

PENGURUSAN MASALAH SOSIAL YANG BERLAKU DALAM KOMUNITI PESISIR DI KELANTAN

MANAGEMENT OF SOCIAL PROBLEMS IN THE COASTAL COMMUNITIES IN KELANTAN

Zulfikri Abd. Wahab
Yohan Kurniawan
Haris Abd. Wahab

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pihak yang terlibat dalam mengawal masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Kawalan masalah sosial yang dilakukan boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu kawalan secara formal oleh organisasi dan kawalan tidak formal oleh keluarga dan masyarakat. Kajian dilakukan di Kampung Nelayan Kandis, Bachok dan Kampung Baru Nelayan, Tumpat, Kelantan. Seramai 250 orang responden telah dipilih secara rawak dan ditemubual menggunakan borang soal selidik. Organisasi yang banyak terlibat dalam mengawal masalah sosial dalam komuniti pesisir ialah Polis Diraja Malaysia, sekolah dan Jawatankuasa Masjid. Komuniti pesisir sendiri juga telah melakukan pelbagai tindakan untuk mengawal masalah sosial dalam kalangan anak-anak mereka dan ahli masyarakat lain. Usaha kawalan sosial secara formal dan tidak formal dalam komuniti ini perlu di koordinasi secara baik dan teratur. Pekerja sosial komuniti merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengkoordinasi pelbagai usaha pihak yang terlibat.

Kata kunci: Pengurusan, masalah sosial, komuniti pesisir, Kelantan

Abstract

This study aimed to identify the nature and types of the institutions that were involved to manage the problems in the coastal communities in Malaysia. The management of social problems was categorized into two main forms such as formal management by the formal

organizations and informal management by the institutions i.e. family and society. The study was conducted in two areas i.e. Kampung Nelayan Kandis, Bachok and Kampung Baru Nelayan, Tumpat in Kelantan. We used survey method where a pre-tested interview schedule was randomly administered to 250 respondents. The study revealed that the social problems on those areas were mainly managed by the Royal Malaysian police, school, and mosque committee members. The community also had a variety of actions to mitigate social problems of their children and other community members. The study suggested that for effective services, there needs proper coordination among such formal and informal social control efforts, where community social worker has prolific role.

Keywords: *Management, social problem, coastal communities, Kelantan*

Pendahuluan

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam kalangan ahli komuniti pesisir. Antara usaha awal pembangunan komuniti pesisir ialah seperti pelaksanaan projek Kemajuan Masyarakat KEMAS, projek penempatan semula dan pembangunan *in-situ*. Walaupun pelbagai program pembangunan telah dilaksanakan tetapi masih banyak isu dan masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir (Nik Wan Omar et al., 2006). Isu dan masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir mendapat perhatian banyak pihak. Ini disokong oleh kenyataan mantan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapan utama di Persidangan Hala Tuju Sektor Pertanian Dan Industri Berasaskan Pertanian pada 12 Ogos 2004. Beliau mengatakan:

“Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah dikenal pasti oleh Bank Dunia sebagai sebuah ekonomi yang berjaya namun masih terdapat masyarakat petani, penternak dan nelayan yang masih belum mengecapi nikmat pembangunan seolah-oleh mereka berada di pinggir proses pembangunan negara.”

(Muhyiddin, 2004)

Komuniti pesisir merujuk kepada mereka yang tinggal di kawasan pesisir pantai dan sumber ekonomi mereka bergantung secara

langsung dan tidak langsung kepada laut (Nor Hayati, 2010; Abdul Rahman, 2007; Nanthakumar & Syahrin, 2004; UNDP, 1996; Malaysia, 1992). Dianggarkan kira-kira 9.5 juta orang penduduk Malaysia mendiami kawasan pesisir pantai (Sustainable Development Strategy for the Seas of East Asia, 2005). Malaysia mendefinisikan zon pinggir pantai sebagai satu jalur tanah sehingga 5 km ke daratan dari garis pinggir pantai atau garis pesisir yang merupakan garis pertemuan antara air laut dan daratan. Sekiranya zon pinggir pantai itu mempunyai paya bakau atau nipah, zon itu terdapat ke daratan sejauh 5 km dari sempadan daratan paya atau paya nipah tersebut, zon itu terdapat ke daratan sejauh 5 km dari sempadan daratan paya tersebut. Dalam kes paya gambut pula zon pesisir pantai bermula dari garis pesisir sehingga had paling ke daratan paya itu yang mungkin lebih 5 km lebarnya. Ke arah laut hadnya ialah 200 batu nautika dari garis pesisir dan merangkumi Zon Ekonomi Eksklusif (Malaysia, 1992).

Nor Hayati (2011) menyatakan semua negeri di Malaysia (melainkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya) mempunyai pesisir pantai. Pulau-pulau yang terdapat di bawah bidang kuasa Zon Ekonomi Eksklusif juga mempunyai zon pinggir pantai. Dari segi keluasan, Malaysia mempunyai zon pinggir pantai seluas lebih kurang 4,316,292 hektar yang merupakan 13.3 peratus daripada keluasan Malaysia (Nor Hayati, 2011). Angka ini menjadikan zon pinggir pantai negara merangkumi jumlah keluasan tanah sebanyak 8.9 peratus di Semenanjung Malaysia, 13 peratus di Sabah dan 18 peratus di Sarawak (Malaysia, 1992).

Kebanyakan komuniti pesisir adalah terdiri daripada petani, penternak dan nelayan. Pendapatan mereka ini kurang daripada RM529 sebulan dan tergolong sebagai kategori miskin (Nik Wan Omar et al., 2006). Terdapat juga mereka yang tergolong dalam kategori miskin tegar dengan pendapatan sebanyak RM265 sebulan. Menurut Madiah dan Mohd Zulfadli (2006) satu pertiga daripada masyarakat pulau dan pesisir adalah terdiri daripada nelayan. Taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan masyarakat nelayan ini masih lagi rendah berbanding dengan masyarakat bukan nelayan (Norazmi et al., 2001). Kemiskinan dalam kalangan komuniti pesisir telah mewujudkan pelbagai masalah sosial lain seperti keciciran dalam pelajaran, pengangguran, penyalahgunaan dadah, kecurian dan masalah jenayah lain (Nor Hayati, 2010; 2011; Ishak dan Rahman, 1997; Ungku Aziz, 1987; Wan Hashim, 1980;). Masalah yang berlaku dalam komuniti pesisir ini perlu dikawal dan diurus dengan baik kerana ianya akan menjejaskan

kesejahteraan sosial komuniti pesisir. Kawalan dan pengurusan masalah sosial dalam komuniti pesisir ini menjadi tanggungjawab institusi formal dan ahli komuniti pesisir sendiri.

Kerangka Teoritikal Kajian

Masalah sosial mempunyai pengertian yang luas, ia bukan hanya mencakupi masalah kemasyarakatan (*society problems*) tetapi juga masalah yang berkaitan dengan gejala-gejala abnormal dalam kehidupan masyarakat (*ameliorative or social problem*). Masalah sosial dapat ditafsirkan melalui keadaan-keadaan tertentu seperti kemiskinan, kebuluran, dan jenayah serta fenomena sosiobudaya yang menghalang masyarakat daripada mengecapi potensi maksima mereka serta ketidakseimbangan yang berlaku dalam masyarakat sehingga unit tersebut mengklasifikasikan individu sebagai devian (Eitzen, 2000; Becker, 1967). Tallman dan McGee (1971) dan Abd. Hadi (2004) mentafsir masalah sosial sebagai keadaan yang tidak digemari oleh orang ramai dan perlu dibasmi, diselesai atau diperbaiki melalui tindakan bersama oleh anggota-anggota masyarakat

Bagi mengurus masalah sosial yang berlaku dalam komuniti, maka perlulah dilaksanakan langkah-langkah kawalan sosial yang berkesan. Rokiah (2002) menjelaskan bahawa kawalan sosial merupakan proses yang menyebabkan individu akur pada norma masyarakat termasuk undang-undang jenayah, pihak polis, mahkamah dan institusi tahanan. Kawalan kepada masalah sosial merangkumi suatu penghasilan tingkah laku yang dianggap normal dan juga penindasan tingkah laku devian atau yang menyimpang (Rokiah, 2002). Tindakan kawalan sosial yang boleh dilakukan melalui undang-undang, keluarga, sekolah, tempat kerja dan komuniti. Kawalan masalah sosial merangkumi pengaturan tingkah laku yang dilaksanakan secara formal dan tidak formal. Kawalan secara formal melibatkan negara dan undang-undang yang berkait dengan aktiviti-aktiviti sistem keadilan jenayah. Manakala kawalan secara tidak formal melibatkan kawalan peribadi, kawalan daripada keluarga, dan komuniti sendiri (Nye, 1973) bagi menyekat seseorang individu daripada terlibat dalam masalah sosial. Kawalan ini akan menjadi penghalang kepada seseorang individu untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang. Selain itu, ahli komuniti perlu ada bendungan dalaman iaitu kekuatan diri dalam menangani kehampaan dan juga bendungan luaran iaitu '*public image*' yang baik (Reckless, 1964). Seseorang individu

juga perlu mempunyai komitmen untuk tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang. Komitmen ini akan berlaku melalui ikatan antara seseorang individu dengan agensi-agensi yang tidak menyokong perbuatan jenayah, penglibatan individu dalam perbuatan yang tidak bertentangan dan kepercayaan seseorang kepada kesahan undang-undang atau peraturan (Hirschi, 1969).

Teori Kawalan Sosial mengandaikan bahawa manusia secara semulajadinya boleh terangsang untuk melakukan suatu tindakan yang berbentuk jenayah atau terlibat dalam tingkah laku yang disifatkan sebagai melanggar undang-undang. Berdasarkan teori tersebut, Hirschi (1969) telah mengenalpasti empat elemen utama mengawal masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Elemen tersebut ialah keterikatan, komitmen, keterlibatan dan kepercayaan. Keterikatan merujuk kepada hubungan secara psikologikal dan perasaan emosi antara seseorang remaja dengan orang yang dianggap rapat dan penting di dalam kehidupannya seperti ibu bapa (keluarga), guru (sekolah) dan rakan sebaya (kumpulan sosial). Hubungan rapat, luas dan berbentuk emosional akan menyebabkan seseorang itu merasakan diri mereka diberi perhatian berhubung dengan pandangan, pendapat, sikap dan perasaan mereka terhadap sesuatu perkara. Seseorang remaja yang mempunyai ikatan yang kukuh dengan orang atau kelompok tradisional akan merasakan bahawa perbuatan delinkuen atau melanggar peraturan adalah sesuatu tindakan yang 'tidak betul'. Selain itu, perasaan hormat terhadap ibu bapa atau orang yang lebih tua di dalam masyarakat khususnya boleh mempengaruhi remaja itu tidak melanggar undang-undang, institusi-institusi, nilai-nilai atau norma-norma sosial masyarakat yang sedia ada atas dasar hormat terhadap nilai-nilai yang sedia ada di dalam masyarakat.

Komitmen mencerminkan 'ganjaran sosial' yang bakal diterima oleh seseorang kesan dari hubungannya dengan individu, kelompok atau masyarakat. Tingkah laku yang mematuhi peraturan sosial akan diberi ganjaran yang berbentuk positif berbanding dengan kos kerugian (hukuman) yang harus ditanggung jika mereka melanggar nilai atau norma masyarakat. Komitmen juga merujuk kepada 'pelaburan sosial' bagi menjana 'perolehan sosial', hasil daripada usaha dan status dalam tempoh yang sesuai dengan mengikuti dan mematuhi peraturan-peraturan tertentu yang bersesuaian dengan nilai-nilai yang sedia ada di dalam masyarakat. Keterlibatan pula merujuk kepada penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti yang konvensional dan di anggap sah. Misalnya, jika di sekolah seseorang murid melibatkan dirinya

dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti kelab, persatuan dan sukan, keterlibatan itu dapat memperkukuhkan ikatannya dengan para guru dan rakan sebaya. Ikatan ini akan menghalang remaja dari terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan nilai-nilai sekolah.

Elemen kepercayaan adalah penerimaan sistem nilai tradisional. Kepercayaan dikaitkan dengan nilai-nilai kepercayaan yang dipegang oleh seseorang individu. Ini termasuklah kepercayaan terhadap agama, nilai-nilai tradisional, mitos dan folklore. Jika seorang percaya bahawa pelbagai peraturan dan nilai kepercayaan (norma) itu sah dan mereka perlu akur dan mematuhi norma serta peraturan yang ditetapkan itu, individu itu kurang cenderung untuk terlibat di dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai dan norma-norma sosial masyarakat yang ada. Semakin tinggi kepercayaan terhadap sesuatu nilai atau norma itu, maka semakin tinggi tahap kawalannya.

Teori Kawalan Sosial juga menegaskan bahawa semakin tinggi tahap kawalan sosial oleh agen tradisional ke atas seseorang remaja, maka semakin kurang kecenderungan untuk dirinya terlibat dengan perbuatan yang menyalahi undang-undang atau yang melanggar peraturan dan nilai masyarakat. Dengan kata lainnya, kawalan sosial yang ketat daripada agama, keluarga, guru dan sekolah sehinggalah rakan sebaya yang positif boleh mengekang remaja dari melakukan tindakan yang bertentangan dengan nilai sosial yang ada. Semakin rendah atau merosotnya kawalan sosial di dalam masyarakat, maka semakin tinggilah kemungkinan untuk berlaku penyimpangan sosial di dalam masyarakat berkenaan.

Metodologi Kajian

Kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk kawalan sosial terhadap masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir di Kelantan. Kajian ini telah dilakukan di Kampung Nelayan Kandis, Bachok dan Kampung Baru Nelayan, Tumpat, Kelantan. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 410 buah keluarga di kedua-dua kampung berkenaan. Seramai 250 orang ketua keluarga telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian, iaitu seramai 90 orang dari Kampung Nelayan Kandis dan 160 orang dari Kampung Baru Nelayan, Tumpat. Senarai nama ketua keluarga bagi setiap kampung diperolehi daripada Bilik Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang ada di kedua-dua kampung berkenaan. Responden yang terpilih mempunyai

latar belakang yang pelbagai dari segi umur, jantina, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan (Jadual 1). Maklumat kajian ini diperolehi melalui temu bual secara bersemuka menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian komputer “*Statistical Package for the Social Science*” (SPSS). Maklumat dibentang dalam bentuk taburan dan peratusan.

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden

Latar Belakang	Kampung Nelayan Kandis		Kampung Nelayan Tumpat		Keseluruhan	
	Bil.	%	Bil	%	Bil	%
Umur						
< 29 Tahun	6	6.7	7	4.4	13	5.2
30 – 40 tahun	12	13.3	32	20.0	44	17.6
41 – 50 tahun	11	12.2	58	36.3	69	27.6
51 – 60 tahun	32	35.6	33	20.6	65	26.0
≥ 61 tahun	29	32.2	30	18.8	59	23.6
Jumlah	90	100.0	160	100.0	250	100.0
Jantina						
Lelaki	74	82.2	126	78.8	200	80.0
Perempuan	16	17.8	34	21.2	50	20.0
Jumlah	90	100.0	160	100.0	250	100.0
Tahap Pendidikan						
Tidak sekolah	15	16.7	12	7.5	27	10.8
Sekolah Agama	0	0	1	0.6	1	0.4
Sekolah Rendah	41	45.6	36	22.5	77	30.8
Sek. Menengah Rendah	20	22.2	107	66.9	127	50.8
Sek. Menengah Atas	13	14.4	2	1.3	15	6.0
Universiti/ maktab	1	1.1	2	1.3	3	1.2
Jumlah	90	100	160	100	250	100

Pekerjaan Utama						
Tiada Pekerjaan	1	1.1	2	1.3	3	1.2
Tanam Tembakau	19	4.1	0	0	19	7.6
Petani	62	68.9	1	0.6	63	25.2
Jual Kuih	0	0	1	0.6	1	0.4
Berniaga	1	1.1	48	30.0	49	19.6
Nelayan	1	1.1	30	18.8	31	12.4
Swasta	1	1.1	12	7.5	13	5.2
Kilang	1	1.1	12	7.5	13	5.2
Kerajaan	2	2.2	10	6.3	12	4.8
Buruh	1	1.1	30	18.8	31	12.4
Jual Ikan	0	0	1	0.6	1	0.4
Suri Rumah	1	1.1	5	3.1	6	2.4
Menjaga Bayi	0	0	1	0.6	1	0.4
Pemandu Teksi	0	0	1	0.6	1	0.4
Menternak Ikan	0	0	2	1.3	2	0.8
Pencen	0	0	4	2.5	4	1.6
Jumlah	90	100	160	100	250	100
Pendapatan						
RM < 460	12	13.3	2	1.3	14	5.6
RM 461 – 760	41	45.6	17	10.6	58	23.2
RM 761 – 1060	23	25.6	42	26.3	65	26.0
RM 1061 – 1360	8	8.9	32	20.0	40	16.0
RM 1361 – 1660	1	1.1	36	22.5	37	14.8
RM ≥ 1661	5	5.6	31	19.4	36	14.4
Jumlah	90	100	160	100	250	100

Kawalan Sosial oleh Organisasi dan Institusi

Kawalan sosial secara formal dilaksanakan melalui organisasi formal dan undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti sistem keadilan jenayah (Rokiah, 2002). Secara umumnya terdapat sepuluh

organisasi atau institusi yang terlibat dalam membasmi dan menangani masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Organisasi tersebut ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Sekolah, Wakil Rakyat, KEMAS, Majlis Daerah, Pejabat daerah, Persatuan Belia, Jawatankuasa Surau/Masjid, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Secara umumnya, organisasi atau agensi yang banyak terlibat dalam membantu menangani masalah sosial dalam komuniti pesisir ialah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), sekolah, Jawatankuasa Masjid/surau, KEMAS dan wakil rakyat.

Organisasi yang paling banyak berusaha dalam menangani masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir ialah pihak Polis DiRaja Malaysia. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan terdapat 92.8% responden menyatakan PDRM telah memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah sosial yang berlaku di tempat mereka (Jadual 2) Antara aktiviti yang dilakukan oleh pihak PDRM dalam menangani masalah sosial di kawasan komuniti pesisir ialah penguatkuasaan undang-undang, rondaan, kawalan keselamatan, kempen antidadah, tangkapan dan pemantauan. Kemampuan pihak polis ini dilihat dari aspek penguatkuasaan undang-undang terhadap salah laku sosial yang dilakukan oleh masyarakat. Kanun Acara Jenayah telah menggariskan tugas dan tanggungjawab polis dengan terperinci daripada aspek pencegahan jenayah. Di samping itu juga, polis diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, Ordinan Darurat (Kementerian Awam dan Pencegahan Jenayah) 1959, Akta Keselamatan dalam Negeri. Enakmen Kediaman Terhad, Akta Dadah Merbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Fungsi polis begitu sinonim dengan aktiviti pencegahan jenayah. Polis mempunyai beberapa strategi untuk mencegah dan mengurangkan serta membasmi jenayah yang berlaku dalam masyarakat.

Fungsi polis termaktub di bawah Seksyen 3(3) Akta Polis 1967, yang secara umumnya adalah untuk menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraan, mengekalkan keamanan dan keselamatan negara, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa orang yang melakukan kesalahan dan mengumpul risikan-risikan keselamatan. Di samping fungsi yang telah dinyatakan di atas pihak polis juga dilihat telah memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran sivik di kalangan masyarakat agar tidak terlibat dalam

kegiatan jenayah. Ini dapat dilihat sebagai usaha pihak polis untuk bekerjasama dengan masyarakat dan agensi lain yang berkaitan di dalam aktiviti pencegahan jenayah.

Sekolah juga merupakan satu lagi institusi penting dalam membantu menangani masalah sosial, khususnya yang berkaitan dengan salah laku pelajar. Peranan sekolah dalam membantu menangani masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat ini dimainkan oleh guru-guru. Keadaan ini dibuktikan oleh hasil kajian yang menunjukkan terdapat 81.6% responden menyatakan bahawa guru-guru telah memainkan peranan yang berkesan dalam usaha menangani masalah sosial di kalangan anak-anak komuniti pesisir yang bersekolah (Jadual 2). Pelajar sekolah yang dimaksudkan di sini ialah anak-anak yang tinggal di dalam komuniti pesisir. Memang tidak dinafikan pelajar menghabiskan sebahagian besar masa mereka berada di sekolah. Oleh yang demikian pihak yang bertanggungjawab mengawasi mereka sewaktu berada di sekolah ialah guru-guru. Oleh yang demikian, tugas guru-guru sangat mencabar kerana terpaksa berhadapan dengan berbagai kerenah pelajar-pelajar. Guru-guru mungkin boleh menyemaikan ke dalam diri pelajar-pelajar tentang nilai-nilai murni yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Ini semua perlu dilakukan dari peringkat sekolah rendah lagi. Antara usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah dan guru-guru ialah seperti aktiviti meningkatkan motivasi pelajar untuk berjaya dalam pelajaran, mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa, memberi bantuan kewangan dan mengadakan kelas tuisyen untuk pelajar.

Hasil kajian juga menunjukkan Jawatankuasa Masjid juga memainkan peranan yang besar dalam mengatasi masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Peranan jawatan kuasa ini dalam menangani masalah sosial dalam komuniti pesisir dinyatakan oleh 82.4% responden kajian (Jadual 2). Jawatankuasa Masjid dan Surau ditubuhkan hampir di kesemua daerah dan kampung di Malaysia. Jawatankuasa ini diwujudkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti agama dan kerohanian yang bercorak keagamaan, sosial, pendidikan dan sebagainya. Jawatankuasa ini juga berperanan sebagai satu pusat untuk mewujudkan kerjasama masyarakat dan mengeratkan ikatan silaturahim. Peranan jawatankuasa ini dilaksanakan melalui aktiviti pendidikan kerohanian. Aktiviti tersebut meningkatkan kefahaman masyarakat tentang perkara baik dan buru yang boleh membantu mengurangkan masalah sosial di kalangan masyarakat. Di samping itu juga, aktiviti yang dijalankan telah dapat membantu masyarakat

membina imej dan menjaga tingkah laku supaya berada di landasan yang betul. Jawatankuasa ini juga telah dilihat berperanan membantu ahli masyarakat yang menghadapi masalah kemiskinan dan yang ditimpa bencana dengan menghulurkan sedikit bantuan.

Jadual 2: Organisasi yang terlibat dalam menangani masalah sosial dalam komuniti pesisir

Organisasi	Kampung Nalayan Kandis				Kampung Nalayan Tumpat				Keseluruhan			
	Ada		Tiada		Ada		Tiada		Ada		Tiada	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
JKMM	16	17.8	74	82.2	0	0	160	100	16	6.4	234	93.6
PDRM	72	80.0	18	20.0	160	100	0	0	232	92.8	18	7.2
Sekolah	44	48.9	46	51.1	160	100	0	0	204	81.6	46	18.4
Wakil Rakyat	21	23.3	69	76.7	0	0	160	100	21	8.4	229	91.6
KEMAS	27	30.0	63	70.0	0	0	160	100	27	10.8	223	89.2
Majlis Daerah	2	2.2	88	97.8	0	0	160	100	2	0.8	248	99.2
Pegawai Daerah	2	2.2	88	97.8	0	0	160	100	2	0.8	248	99.2
Persatuan Belia	8	8.9	82	91.1	0	0	160	100	8	3.2	242	96.8
Jawatankuasa Masjid	46	51.1	44	48.9	160	100	0	0	206	82.4	44	17.6
JKKK	18	20.0	72	80.0	0	0	160	100	18	7.2	232	92.8
PIBG	8	8.9	82	91.1	0	0	160	100	8	3.2	242	96.8

Sumber: Kajian Lapangan, 2012.

KEMAS adalah antara institusi formal lain yang juga banyak berperanan dalam membantu menangani masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan terdapat 10.8% responden menyatakan pihak KEMAS telah berjaya memainkan peranan mereka dalam mengatasi masalah sosial dalam komuniti pesisir (Jadual 2). KEMAS merupakan institusi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Secara umumnya KEMAS berfungsi untuk membimbing dan memberi latihan kepada penduduk setempat. KEMAS juga berperanan membantu meningkatkan peluang ekonomi dengan memasarkan hasil kerja tangan yang dilakukan oleh masyarakat kampung. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS, diharapkan dapat

membantu mengatasi masalah sosial dalam masyarakat. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pihak KEMAS telah dapat membantu melatih masyarakat kampung melalui projek-projek kraftangan. Melalui aktiviti latihan ini telah menarik segolongan besar, khususnya kaum wanita menjadi lebih proaktif dan produktif. Melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak KEMAS ini telah membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Di samping itu penglibatan golongan muda, khusus remaja perempuan dalam aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS dapat mengisi masa terluang yang ada, seterusnya mengelakkan mereka dari terlibat dalam salah laku yang tidak diinginkan.

Wakil rakyat juga memainkan peranan dalam mengatasi masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan terdapat 8.4% responden yang menyatakan bahawa wakil rakyat telah memainkan peranan dalam mengatasi masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat (Jadual 2). Ini menunjukkan wakil rakyat telah memainkan peranan yang berbentuk bantuan sama ada dari segi pembangunan atau pelancaran aktiviti-aktiviti yang menggalakkan masyarakat, khususnya golongan muda dalam aktiviti yang berfaedah. Peranan wakil rakyat adalah untuk berkhidmat untuk masyarakat dan apabila masyarakat telah berpendapat wakil rakyat yang mereka pilih telah berkhidmat dengan baik, maka sokongan kepada mereka akan semakin baik. Wakil rakyat mempunyai pengaruh yang besar dalam memperjuangkan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat. Pada masa yang sama mereka boleh menggunakan isu-isu sosial yang berlaku dalam masyarakat untuk menarik perhatian dan sokongan kepada mereka.

Kawalan Sosial oleh Keluarga dan Masyarakat

Kawalan secara tidak formal melibatkan kawalan peribadi, kawalan daripada keluarga, dan komuniti sendiri bagi menyekat seseorang individu daripada terlibat dalam masalah sosial. Penglibatan ahli komuniti dalam menangani masalah sosial dilihat daripada aspek pemantauan dan kawalan terhadap tingkah laku anak-anak dan anggota dalam komuniti pesisir. Pemantauan dan kawalan sosial terhadap anak-anak melibatkan anak-anak sendiri dan anak orang lain yang tinggal di dalam kawasan mereka. Manakala pemantauan dan kawalan terhadap anggota komuniti melibatkan aspek pergerakan keluar dan masuk anggota komuniti dan orang luar ke dalam kawasan komuniti pesisir.

Reaksi anggota komuniti terhadap aktiviti dan tingkah laku anggotanya penting bagi mengelakkan berlakunya fenomena yang disebut sebagai “*institutionalized evasion of institutional rules*” (Merton, 1957; 1971; Abd. Hadi, 2004). Abd. Hadi (2004) menjelaskan fenomena tersebut seolah-olah memberi kelonggaran atau izin kepada anggota komuniti untuk melakukan perbuatan-perbuatan tertentu yang melencong daripada peraturan-peraturan tertentu dalam masyarakat mereka. Kurangnya pengawasan ahli komuniti memudahkan berlakunya tingkah laku yang menyeleweng di kalangan anggotanya. Penyelewengan yang paling lazim berlaku dalam kebanyakan komuniti ialah perbuatan delinkuen, jenayah dan pengujikajian perhubungan seksual antara lelaki dan wanita (Abd. Hadi, 2004).

Pengaruh rakah-rakan adalah sangat kuat terhadap pembentukan tingkah laku anak-anak. Perangkaan Tahunan Agensi Dadah Kebangsaan menunjukkan bahawa pengaruh kawan merupakan faktor yang paling kuat mendorong remaja terlibat dalam penagihan dadah di Malaysia. Oleh itu, penting bagi ibu apa untuk mengetahui dengan siapa anak-anak mereka berkawan. Kajian ini telah membuktikan ibu bapa yang terdapat dalam komuniti pesisir sangat mengambil berat tentang pergaulan anak-anak mereka. Keadaan ini dibuktikan oleh hasil kajian yang menunjukkan terdapat 87.2 % responden yang mengatakan bahawa mereka mengetahui siapa kawan anak-anak mereka (Jadual 3). Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat dalam komuniti pesisir di kedua-dua kampung masih lagi mengambil tahu hal-hal yang berkaitan dengan anak-anak mereka. Antara kawan anak-anak yang dikenal pasti oleh responden ialah terdiri daripada anak-anak penduduk kampung yang sama, anak jiran-jiran, saudara saudara-mara yang tinggal dalam kampung yang sama dan mereka yang belajar di sekolah yang sama dengan anak-anak mereka. Walaubagaimanapun terdapat juga ibu bapa yang tidak mengetahui siapa kawan anak-anak mereka disebabkan anak-anak mereka tidak tinggal bersama dengan mereka. Ada anak-anak yang tinggal di asrama, telah tinggal di rumah sewa dan anak-anak telah berkeluarga serta tinggal di rumah sendiri yang berjauhan dengan mereka. Selain itu juga, ibu bapa juga perlu mengawasi kegiatan harian anak-anak agar mereka tidak terjebak dengan gejala-gejala yang tidak baik. Kajian ini telah menunjukkan bahawa responden komuniti pesisir mengetahui akan aktiviti harian anak-anak mereka. Keadaan ini dibuktikan dengan penemuan keseluruhan kajian yang mendapati terdapat 90.0% responden mengetahui kebanyakan kegiatan atau aktiviti harian anak-

anak mereka (Jadual 3). Antara kegiatan atau aktiviti harian anak-anak yang diketahui oleh ibu bapa ialah seperti bermain dengan kawan, menonton televisyen, sekolah, bekerja, menolong ibu-bapa, menyiapkan kerja sekolah, berehat di rumah, lepak, bersiar-siar di pantai, memancing dan bekerja ke kebun.

Selain itu, pengetahuan ibu bapa di kedua-dua kampung dalam komuniti pesisir berkaitan dengan masa lapang anak-anak mereka juga amat penting. Pengetahuan tentang penggunaan masa lapang anak ini memerlukan ahli komuniti pesisir untuk mengetahui dengan siapa anak mereka menghabiskan masa lapang mereka dan apakah aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak bagi memenuhi masa lapang mereka. Hasil kajian ini membuktikan ibu bapa yang tinggal dalam komuniti pesisir di kedua-dua kampung mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan masa lapang anak-anak mereka. Keadaan ini dibuktikan dengan penemuan keseluruhan kajian yang menunjukkan terdapat 90.4% responden kajian tahu dengan siapa anak-anak mereka menghabiskan masa lapang mereka (Jadual 3). Antara mereka yang bersama-sama dengan anak-anak komuniti pesisir pada masa lapang mereka ialah kawan-kawan sekampung, kawan-kawan sekolah, ahli keluarga terdekat dan jiran. Terdapat juga ibu bapa yang tidak mengetahui tentang masa lapang anak-anak mereka, keadaan ini disebabkan anak-anak sudah tidak tinggal bersama kedua ibu bapa lagi dan telah berhijrah keluar dari kampung.

Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa ibu bapa komuniti pesisir di kedua-dua kampung mengetahui hal yang berkaitan dengan aktiviti anak-anak mereka pada masa lapang. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan terdapat 89.6 % responden kajian yang mengetahui hal yang berkaitan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka bagi mengisi masa lapang (Jadual 3). Antara aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak ialah menonton televisyen dan mendengar radio, mengulang kaji pelajaran, bersukan, menolong ibu bapa di rumah atau di kebun, bersiar-siar, mengemas rumah, bermain bola dengan kawan, bermain dengan adik, tidur dan lepak dengan kawan-kawan.

Jadual 3: Usaha keluarga dan mengawal masalah sosial dalam komuniti pesisir.

Tindakan	Kampung Nelayan Kandiis				Kampung Nelayan Tumpat				Keseluruhan			
	Ada		Tiada		Ada		Tiada		Ada		Tiada	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Mengambil tahu kawasan anak	68	75.6	22	24.4	150	93.8	10	6.3	218	87.2	32	12.8
Mengetahui kegiatan hantaran anak	76	84.4	14	15.6	149	93.1	11	6.9	225	90.0	25	10.0
Meletakkan syarat kepada anak	60	66.7	30	33.3	149	93.1	11	6.9	209	83.6	41	16.4
Mengetahui dgn siapa anak menghabiskan masa lapang	76	84.4	14	15.6	150	93.8	10	6.3	226	90.4	24	9.6
Mengetahui aktiviti masa lapang anak	74	82.2	16	17.8	150	93.8	10	6.3	224	89.6	26	10.4
Menetapkan syarat keizinan anak melakukan aktiviti	74	82.2	16	17.8	149	93.1	11	6.9	223	89.2	27	10.8
Mengetahui tempat anak menghabiskan masa selepas waktu sekolah	68	75.6	22	24.4	148	92.5	12	7.5	216	86.4	34	13.6
Mengetahui tempat anak menghabiskan masa di hujung minggu	75	83.3	15	16.7	150	93.8	10	6.3	225	93.8	25	10.0
Mengetahui penglibatan anak dalam gejala sosial	2	2.2	88	97.8	2	1.3	158	98.8	4	1.6	246	98.4
Mengambil tindakan terhadap anak yang melakukan kesalahan	73	81.1	17	18.9	150	93.8	10	6.3	223	89.2	27	10.8
Mengambil tindakan terhadap anak-orang lain yang melakukan kesalahan	70	77.8	20	22.2	150	93.8	10	6.3	220	88.0	30	12.0
Mengetahui ahli keluarga yang bekerja/belajar di luar kampung	50	55.6	40	44.4	52	32.5	108	67.5	102	40.8	148	59.2
Mengetahui orang luar yang bekerja/bermaga/tinggal dalam kampung	20	22.2	70	77.8	0	0	160	100	20	8.0	230	92.0

Sumber: Kajian Lapangan, 2012

Terdapat juga sesetengah keluarga yang menetapkan bahawa anak-anak boleh melakukan sesuatu aktiviti setelah mendapat kebenaran daripada keluarga. Keadaan ini dibuktikan dengan penemuan keseluruhan kajian yang menunjukkan terdapat 89.2% responden yang menetapkan bahawa anak-anak perlu mendapat kebenaran salah seorang iaitu ibu atau bapa sebelum melakukan sebarang aktiviti (Jadual 3). Pada kebiasaan hanya kebenaran ibu bapa sahaja yang diperlukan sebelum melakukan sebarang aktiviti. Selain ibu bapa, anak-anak juga boleh mendapatkan kebenaran daripada ahli keluarga yang lain seperti nenek, abang atau kakak sebelum keluar melakukan sebarang aktiviti di luar rumah.

Penemuan ini menggambarkan kebenaran daripada pihak-pihak tertentu dalam keluarga diperlukan mengikut jenis dan bentuk aktiviti yang hendak dilakukan. Terdapat sesetengah aktiviti memerlukan izin atau kebenaran salah seorang ibu atau bapa sahaja sebelum boleh dilakukan oleh anak-anak. Terdapat sesetengah aktiviti yang hanya memerlukan hanya izin daripada bapa sahaja atau ibu sahaja. Selalunya kebenaran atau izin daripada bapa diperlukan apabila anak-anak hendak melakukan perkara atau aktiviti yang boleh mendatangkan kesan atau impak yang besar kepada diri mereka atau ahli keluarga yang lain. Perkara atau aktiviti yang hendak dilakukan adalah bukan aktiviti yang biasa dilakukan dalam kehidupan harian anak-anak. Aktiviti berkenaan adalah merupakan aktiviti yang sesekali dilakukan. Kebenaran bapa diperlukan kerana keputusan yang adalah menggambarkan keputusan keluarga kerana beliau adalah ketua dalam keluarga berkenaan. Perkara-perkara yang memerlukan kebenaran ibu selalunya berkaitan dengan aktiviti yang biasa dilakukan atau pernah dilakukan oleh anak-anak sebelum ini dan ia tidak mendatangkan bahaya atau kesan yang besan kepada diri anak-anak atau keluarga berkenaan.

Selain itu, kesanggupan masyarakat untuk mengambil tindakan terhadap ahli keluarga atau orang lain yang terlibat dalam masalah sosial adalah sangat penting. Responden dalam kajian ini menyatakan mereka mengambil tindakan terhadap anak-anak mereka yang melakukan kesalahan. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil kajian menunjukkan terdapat 89.2% responden kajian yang menyatakan bahawa mereka mengambil tindakan terhadap anak-anak yang melakukan kesalahan (Jadual 3). Antara tindakan-tindakan yang diambil oleh anggota komuniti pesisir kedua-dua kampung terhadap anak-anak mereka yang melakukan kesalahan ialah seperti memberi nasihat, memarahi, minta penjelasan, merotan, memukul, memberi

amaran, ajak berbincang dan melaporkan kepada polis. Manakala tindakan-tindakan yang diambil terhadap anak-anak orang lain yang melakukan kesalahan ialah memberi nasihat, membuat teguran, perhatikan sahaja, beritahu ibu bapa kanak-kanak berkenaan, melaporkan kepada polis, berbincang dengan penduduk kampung yang lain dalam mesyuarat, memberi amaran dan mengajak mereka berbincang dengan baik.

Kesimpulan

Pengurusan kepada masalah sosial yang berlaku merupakan salah satu indikator penting dalam memastikan kesejahteraan sosial komuniti pesisir berada dalam keadaan yang baik. Pihak institusi formal seperti Polis Diraja Malaysia, pihak sekolah, Jawatankuasa masjid dan ahli komuniti pesisir telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi mengawal dan membendung masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Antara tindakan yang dilakukan seperti rondaan oleh pihak polis, ceramah motivasi oleh pihak sekolah, ceramah keagamaan oleh pihak masjid dan rondaan pada waktu malam oleh Ahli Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Usaha-usaha membendung masalah sosial oleh pelbagai pihak ini perlu dikoordinasi secara menyeluruh dan teratur. Koordinasi ini boleh dilakukan melalui amalan kerja sosial komuniti. Melalui amalan kerja komuniti, Pekerja Komuniti yang dilantik bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan usaha-usaha mencegah, mengawal dan menyelesaikan masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir.

Antara Institusi formal yang bertanggungjawab dalam membantu meningkatkan kesejahteraan sosial komuniti pesisir ialah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). KEMAS sememangnya mempunyai pekerja komuniti terlatih yang dikenali sebagai Pegawai Kemajuan Masyarakat untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Namun kepakaran Pekerja Komuniti berkenaan tidak digunakan secara optimum untuk membantu menangani masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat luar bandar khususnya komuniti pesisir.

Oleh itu kepakaran pekerja komuniti KEMAS boleh digunakan untuk mengkoordinasikan usaha-usaha institusi formal dan komuniti pesisir sendiri untuk mengawal masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Usaha ini boleh dilakukan sama dengan merancang

dan melaksanakan program pembangunan komuniti bersepadu yang baru atau menambahbaikkan program yang sedia ada dalam komuniti pesisir. Antara program pembangunan komuniti bersepadu sedia ada dalam komuniti pesisir dan memerlukan koordinasi Pekerja Komuniti KEMAS ialah program Gerakan Daya Wawasan (GDW). Pelaksanaan program GDW ini dilaksanakan secara bersepadu dan melibatkan agensi seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Penerangan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Jabatan Agama Islam, MARA, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan, Pejabat Daerah, Jabatan Pendidikan, Jabatan Perancangan dan Wilayah, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan KEMAS. Setiap jabatan ini mempunyai program yang tersendiri untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti pesisir. Oleh itu koordinasi setiap pelaksanaan program oleh jabatan berkenaan adalah perlu bagi mengelak daripada berlakunya pertindihan program dan pembaziran sumber. Tanggungjawab mengkoordinasi program berkenaan boleh dilakukan oleh Pekerja Komuniti KEMAS.

Selain bertanggungjawab mengkoordinasi program secara bersepadu dalam komuniti pesisir, Pekerja Komuniti KEMAS juga mampu untuk mengenalpasti dan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada dalam komuniti pesisir. Penggunaan sumber-sumber yang sedia ada dalam komuniti akan menguatkan komuniti pesisir dan seterusnya mengurangkan sikap bergantung ahli komuniti berkenaan kepada kerajaan. Walau bagaimanapun amalan kerja komuniti memerlukan kerjasama antara pekerja komuniti dan penduduk setempat. Keadaan ini memerlukan pekerja komuniti yang khusus untuk berkhidmat dengan komuniti pesisir kerana masalah dan keperluan komuniti pesisir mungkin berbeza dengan masalah dan keperluan komuniti lain. Pekerja komuniti yang dilantik perlu mampu untuk melakukan penilaian keperluan komuniti pesisir agar dasar dan strategi yang dirancang untuk pembangunan komuniti pesisir berkesan dan mapan.

Bibliografi

- Abd. Hadi Zakaria. 2004. Ketiadaan Reaksi Masyarakat Terhadap Kelakuan Anti Sosial. *The Malaysian Journal of Social Administration*. Vol. 3(1): 71-82.
- Abdul Rahman Embong. 2007. *Pembangunan Negara Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Becker, E. 1967. *Beyond Alienation: A Philosophy of Education for the Crisis of Democracy*: New York, G. Braziller.
- Eitzen, S. D. And Zinn, M. B. 2000. *Social Problem*. 8th Edition. United States: A Pearson Education Company.
- Hirschi, T. (1969). *Causes of Delinquency*. Berkeley, California: University of California Press.
- Ishak Shaari dan Abdul Rahman Embong. 1997. *Laporan Akhir: Kajian Sosio-ekonomi Nelayan Johor*. Bangi: Biro Rundingan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Madiah Mohammad Shukri dan Mohd Zulfadli. 2006. Personality Profiles of Island and Peripheral Community: A case study in Kampung Seberang Marang Terengganu. Prosiding Persidangan Pertama Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai 2006, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Malaysia. 1992. *The Department of Statistics of Malaysia*. Kuala Lumpur: Prime Minister Department.
- Merton, R. K. 1971. *Contemporary Social Problem: an Introduction to the Sociology of Deviant Behaviour and Social*. New York: Harcourt, Brace Jovanich.
- Miller, W. B. 1975. *Violence by Youth Gangs and Youth Group as a Crime Problem in Major American Cities*. Washington D.C: National Institute for Juvenile Justice and Delinquency Prevention Office.

- Muhyiddin Mohd Yassin. 2004. Ucaputama YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Persidangan Halatuju Sektor Pertanian Dan Industri Berasaskan Pertanian, Dipetik daripada http://agrolink.moa.my/dari_meja_menteri/exco%20pertanian pada 31/12/2005. Wisma Tani, Kuala Lumpur.
- Nanthakumar dan Syahrin Said. 2004. Zon Pesisir Pantai : Penjana Pertumbuhan Ekonomi Malaysia. Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara Fakulti Sastera Dan Sains sosial. Bil. 9: 145-158.
- Nik Wan Omar, Mohd Shaladdin dan Wan Abd Aziz. 2006. Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir. Prosiding Persidangan Pertama Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai 2006, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Norazmi A. Idris, M, N dan Osman A. 2001. Prevalence of Coronary Risk factors: Fisherman vs Non-Fisherman in Tumpat Kelantan. Sains Malaysiana, 29:
- Nor Hayati Sa'at. 2011. Mobiliti Sosial Dalam Kalangan Komuniti Pesisir Pantai: Kajian Kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia*. Vol. 29: 95-123.
- Nor Hayati Sa'at. 2010. Keluar dari Lingkungan Kemiskinan: Mobiliti Sosial di Kalangan Komuniti Pesisir Pantai: Kajian Kes di Kuala Terengganu. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Nye, F, I. 1973. *Family Relationship and Deliquent Behaviour*. Westpont, Conn, Greenwood Press.
- Reckless, W. C. 1973. *The Crime Problem*. 5th Edition. Englewood Cliff. N . J. : Prentice Hall.
- Rokiah Ismail. 2002. Kawalan Sosial dan pelbagai Dimensi Fungsinya dalam Strategi Menangani Jenayah dan Delinkuensi di Malaysia. Dalam Rahimah Abd. Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail (eds.). *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: 88 – 109.

- Sustainable Development Strategy fo the Seas of East Asia. (2005). <http://www.iwlearn.net/>. Diakses pada 1september 2006.
- Tallman, I., dan McGee, R. 1971. Definition of Social Problem. Dalam Smigel, E. O. (ed). *Handbook on the Study of Social Problems*. Chicago: Rand McNaly and Company: 19-58.
- United Nations Development Programme (UNDP). 1996. *Human Development Report 1996*. New York Oxford Oxford University Press.
- Ungku Aziz. 1987. *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Wan Hashim Wan Teh. 1980. *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengurusan Masalah Sosial Yang Berlaku Dalam Komuniti Pesisir Di Kelantan